

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR KO CHUNG SEN
KAWASAN : KAMPAR
NO. SOALAN : 203**

SOALAN

**YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :**

- a) kemajuan Pengikatan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan masa pelaksanaannya dan;
- b) faedah CPTPP kepada negara tanpa akses ke pasaran Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) telah selesai dimuktamadkan oleh 12 negara ahli termasuk Malaysia pada 5 Oktober 2015. Seterusnya ianya telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 27 Januari 2016, dan saya telah mewakili Kerajaan Malaysia untuk memeterai TPP pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand.

2. Walau bagaimanapun, TPPA tidak dapat dilaksanakan apabila Presiden Donald Trump mengumumkan penarikan Amerika Syarikat daripada perjanjian tersebut pada 23 Januari 2017. Sehubungan itu, beberapa Mesyuarat di peringkat Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kanan TPP telah diadakan pada tahun lalu bagi menentukan hala tuju perjanjian ini.

3. Mesyuarat Menteri-menteri TPP pada 6 hingga 8 November 2017 di Da Nang, Viet Nam telah berjaya mencapai persetujuan berkaitan elemen-elemen teras dan kaedah pelaksanaan perjanjian ini. TPP juga telah dinamakan semula sebagai Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik, (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership - CPTPP*). Susulan itu, beberapa isu-isu tertunggak juga telah berjaya dimuktamadkan semasa Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan CPTPP di Tokyo, Jepun pada 22 dan 23 Januari 2018.

4. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Februari 2018 telah bersetuju supaya Malaysia menandatangani Perjanjian CPTPP bersama 11 negara CPTPP yang lain iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Viet Nam, pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Ingin saya jelaskan di sini, bahawa CPTPP bukanlah satu perjanjian yang baharu. Sebahagian besar kandungan perjanjian tersebut adalah sama dengan teks Perjanjian TPP yang telah ditandatangani sebelum ini, kecuali 22 peruntukan yang telah digantung

7

bagi mengimbangi kesan penarikan diri Amerika Syarikat. Penggantungan peruntukan-peruntukan ini telah dibincang dan dipersetujui secara konsensus oleh kesemua negara ahli CPTPP. Yang penting, semua komitmen akses pasaran TPP seperti mana yang pernah dibentangkan oleh Kementerian ini dalam Dewan yang mulia ini, kekal dalam CPTPP.

6. Teks penuh CPTPP berserta senarai peruntukan yang telah dipersetujui untuk digantung (*List of Suspended Provisions*) telah pun dimuat naik di laman sesawang MITI pada 21 Februari 2018. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan mengadakan program *outreach* untuk menerangkan dengan lebih lanjut mengenai CPTPP dalam masa yang terdekat.

7. Selain daripada penggantungan (*suspension*) ini, syarat untuk menguatkuasakan CPTPP juga telah dipinda. Di bawah Artikel 3 *Entry into Force*, Perjanjian CPTPP hanya akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya enam (6) buah negara atau 50% daripada negara asal yang menandatangani, telah berjaya meratifikasi Perjanjian CPTPP.

8. Justeru itu, setiap negara ahli termasuk Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk melengkapkan proses domestik masing-masing seterusnya meratifikasikan perjanjian ini, sekiranya ingin meraih manfaat penuh dari pelaksanaannya. Bagi memenuhi obligasinya di bawah perjanjian CPTPP, Bagi memenuhi obligasinya di bawah perjanjian CPTPP, Malaysia perlu meminda sebanyak 17 lagi undang-undang dan peraturan yang berkaitan sebelum CPTPP dapat berkuatkuasa. Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 telah selesai dibentang dan diluluskan

8

oleh Parlimen pada 14 Ogos 2017 manakala Akta SPRM 2009 telah sedia untuk dibentangkan di Parlimen.

9. Semua pindaan yang telah dikenalpasti perlu disegerakan untuk membolehkan Malaysia melengkapkan proses ratifikasi seterusnya mengambil manfaat sepenuhnya sebagai salah sebuah negara terawal yang melaksanakan CPTPP.

Tuan Yang di-Pertua,

Faedah penyertaan Malaysia dalam Perjanjian CPTPP

10. Kerajaan telah mempertimbangkan butiran perjanjian CPTPP dengan teliti bagi memastikan kepentingan negara adalah terjamin, walaupun tanpa penyertaan Amerika Syarikat khususnya kerana:

- (i) CPTPP merupakan perjanjian perdagangan yang komprehensif dan berstandard tinggi. Bab-bab dalam CPTPP mengandungi isu-isu kepentingan Malaysia seperti eDagang, Industri Kecil dan Sederhana (PKS), Bina Upaya serta Kerjasama dan Pembangunan;
- (ii) CPTPP dapat mengembangkan lagi akses pasaran produk-produk tempatan dengan layanan keutamaan (*preferential treatments*) ke negara-negara rakan FTA baharu khususnya Kanada, Mexico dan Peru. Disamping itu, syarikat-syarikat Malaysia termasuk PKS dapat menyertai, dengan izin, *gobal value chain* melalui CPTPP.

- (iii) sebagai ahli asal (*pioneer member*) perjanjian ini, Malaysia akan dapat meraih *first mover advantage*, terutama dari aspek fleksibiliti serta perlindungan (*safeguard*) terhadap kepentingan-kepentingan sensitif negara yang telah berjaya dirundingkan di bawah TPP dan masih dikekalkan di bawah CPTPP;
- (iv) negara-negara seperti Korea Selatan dan beberapa buah negara ASEAN seperti Thailand dan Indonesia juga telah menyatakan hasrat mereka untuk menyertai perjanjian ini, yang akan memberikan potensi yang lebih besar kepada CPTPP pada masa hadapan; dan
- (v) perjanjian ini juga mengandungi bab-bab yang menggalakkan aspek ketelusan, anti rasuah dan tadbir urus yang baik. Malaysia dan negara-negara ahli yang lain boleh bekerjasama dalam bidang-bidang berkaitan, khususnya bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan (*cost of doing business*), dengan izin.

11. *Moody's Investors Service* dalam kenyataannya baru-baru ini pada 9 Mac 2018 telah merumuskan bahawa Malaysia adalah penerima manfaat terbesar dalam CPTPP berdasarkan hasil kajian yang dilakukan oleh *Peterson Institute for International Economics (PIIE)*, khususnya menerusi potensi eksport produk sawit, getah dan elektronik. *PIIE* juga meramalkan pendapatan benar Malaysia, *real income gain* dengan izin, akan bertambah sebanyak tiga (3) peratus pada tahun asas 2030 iaitu pertumbuhan tertinggi di kalangan negara-negara CPTPP.

10

Tuan Yang di-Pertua,

13. Kesimpulannya, penyertaan Malaysia dalam rundingan CPTPP adalah penting bagi memastikan akses pasaran produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran global terjamin dan Malaysia terus kekal berdaya saing di peringkat global walaupun dalam persekitaran perdagangan yang semakin mencabar.

14. MITI akan terus bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain bagi menerangkan kandungan dan impak perjanjian CPTPP bukan sahaja kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan aktiviti perdagangan, tetapi juga kepada rakyat secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.